

# **Profesionalisme Guru PTV Dalam Membentuk Insan Sedar Kendiri (Self-Actualization)**

*Noratiqah Suhaimi<sup>1</sup>, Rohana Hamzah<sup>2</sup> & Amimudin Udin<sup>2</sup>*

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

**ABSTRAK :** Artikel ini membincangkan tentang profesionalisme keguruan dan peranan sebenar mereka sebagai guru PTV. Berdasarkan falsafah pendidikan yang menyatakan suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada menunjukkan guru PTV juga seharusnya mencapai tahap sedar kendiri (self actualization) di dalam melengkapkan lagi kualiti diri mereka. Oleh sebab itu, artikel ini turut menyatakan adalah penting bagi guru- guru PTV untuk membentuk pemahaman mereka berkenaan dengan profesionalisme keguruan yang mereka ceburi. Selain itu artikel ini ditulis bagi bertujuan untuk membantu para guru PTV membina pengetahuan asas berkenaan dengan sifat sedar diri yang seharusnya diterapkan dalam diri setiap insan. Kursus- kursus untuk meningkatkan profesionalisme guru PTV dan sekali gus dapat menerapkan unsur sedar kendiri juga turut disediakan kepada para guru dalam usaha menjadikan guru yang berkualiti dan seterusnya melahirkan para pelajar yang serba boleh serta bersedia ke alam pekerjaan.

**Katakunci :** Profesionalisme Guru PTV, Insan Sedar Kendiri

**ABSTRACT :** This article discusses the professionalism and their role as teachers in TVET. Based on the philosophy of education that reflect an ongoing effort to develop the potential of individuals in a holistic and integrated show teacher in TVET should also achieve self actualization in completing the quality of them. Therefore, this article also states it is important for teachers to develop their understanding of the TVET with respect to professionalism which they operate. Besides this article is written for the purpose to help teachers develop the knowledge base TVET on the nature of consciousness should be applied within every individual. Courses to improve teachers' in TVET and thus to apply the self-actualization elements is also provided to teachers in an effort to make the quality of teachers and hence students who are versatile and willing to employment.

**Keywords :** Generic Skills, Development & Students Attitude

---

## **1.0 PENGENALAN**

Professionalisme keguruan adalah untuk menyediakan satu piawai kepada guru menentukan nilai- nilai kualiti yang sepatutnya dimiliki oleh seseorang guru. Guru yang baik ialah guru yang mempunyai sahsiah yang terpuji, berketerampilan dan berpegang teguh kepada etika perguruan dan etika perkhidmatan awam serta peka dan prihatin terhadap keperluan pelajar dan dapat menjadi role model kepada para pendidik (Alberts, 1974). Mereka juga mempunyai keterampilan yang tinggi dari segi personaliti, pemikiran divergen, pemikiran kreatif, pemikiran kritis dan pemikiran strategik. Keterampilan ini menjadikan guru baik dan cemerlang adalah guru yang efektif yang sangat penting kepada perubahan pendidikan dan kemajuan sekolah khasnya dalam bidang PTV.

Ini adalah kerana profession guru- guru dalam bidang PTV ini memerlukan mereka memantapkan kemahiran dari segi pengajaran teori mahupun latihan amali dalam membentuk

para pelajar PTV yang semakin mendapat permintaan yang tinggi dalam industri pada masa kini.

### **1.1 Latar Belakang**

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan teknik dan vokasional, ianya menekankan kepada pembelajaran masteri dan kompetensi. Oleh itu guru haruslah komited dalam penyediaan modul pembelajaran bagi memastikan para pelajar dapat menguasai ilmu yang dipelajari dengan berkesan. Selain daripada kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru-guru PTV tersebut, mereka juga seharusnya mempunyai kemahiran mengajar berasaskan keterampilan (competency base learning) di mana pendekatan latihan berasaskan keterampilan dilihat dapat membantu dalam memenuhi keperluan semasa. Ini adalah supaya pencapaian seseorang itu tidak dilihat hanya berdasarkan keputusan peperiksaan semata-mata.

Pada masa yang sama juga guru-guru PTV perlulah mempunyai kemahiran bukan teknikal atau ‘employability skills’ kerana kompetensi adalah satu unit tugas yang mengintegrasikan pengetahuan teknikal, kemahiran dan sikap dalam menggunakan alat, bahan, keselamatan dan kaedah atau teknik untuk menyempurnakan tugas yang berkaitan dengan sesuatu pekerjaan. Ini selaras dengan semangat kerajaan dalam meningkatkan modal insan dan menjadikan profesionalisme guru PTV yang berkualiti. Menurut McDaniels (1992), kemahiran ‘employability’ yang diperlukan oleh majikan termasuklah, jujur, menepati masa, kemas, berdikari, bercita-cita tinggi, kreatif dan berupaya membuat penyubahsuai, komunikasi yang berkesan, kebolehan bekerja dalam kumpulan seta mempunyai etika kerja yang baik. Oleh itu kurikulum pendidikan guru PTV perlu menyediakan peluang mempraktikkan kemahiran ‘employability’ seperti di atas. Dengan penerapan kemahiran ini sekaligus dapat membentuk insan sedar kendiri di mana ianya adalah satu tahap teratas dalam keperluan manusia dalam teori Maslow.

## **2.0 KEFAHAMAN INSAN SEDAR KENDIRI (SELF ACTUALIZATION)**

Setiap insan mempunyai daya gerakan untuk mencapai sedar kendiri yang sebenar (self-actualization). Menurut Rogers (1980), mengenal hakikat diri merupakan arah motivasi yang mengarahkan tingkah laku manusia yang mempengaruhi dirinya sebagai manusia keseluruhannya. Setiap insan mempunyai kecenderungan asas untuk berusaha mencapai hakikat diri sebenar. Ahli teori pemusatans-insan percaya setiap insan berupaya untuk mencari makna peribadi diri dan tujuan kehidupan di muka bumi ini.

Peranan guru PTV dalam pendekatan ini dikatakan bersifat holistik atau menyeluruh (King, 2001). Guru ini akan menentukan dan membentuk suasana di mana para pelajar merasai bebas untuk menerokai keseluruh aspek dirinya. Proses pengajaran dan pembelajaran dalam pendekatan ini memberikan tumpuan kepada hubungan guru dan para pelajar. Guru sentiasa berhati-hati dan sedar dengan bahasa, perkataan dan gerakbalas pelajar.

Pendekatan pemusatans-insan ini berjaya untuk mengatasi pelbagai masalah upaya umpamanya masalah kepimpinan, penyesuaian psikologikal, masalah pembelajaran, frustrasi dan berjaya menolong mengurangi sifat-sifat defensif.

### **3.0 KEFAHAMAN PROFESIONALISME**

Profesionalisme dimaksudkan dengan sifat-sifat yang positif di mana seseorang itu berupaya dalam kemahiran, kemampuan, cara perlaksanaan sesuatu dan sebagainya) seperti yang sewajarnya terdapat pada seorang profesional. Profesionalisme berasal daripada profesi yang bermakna berhubungan dengan profesi dan memerlukan kepandaian khusus untuk menjalankannya. Jadi, profesionalisme adalah tingkah laku, kepakaran atau kualiti dari seseorang yang profesional (Longman, 1987)

Seorang guru juga harus mengetahui apa yang dimaksudkan dengan profesionalisme keguruan tersebut agar mereka tahu tugas dan peranan mereka dalam mendidik para pelajar. Di bawah konteks profesionalisme keguruan, seorang guru harus menguasai kemahiran-kemahiran belajar, berfikir, merancang, mengajar, pemudahcaraan, menilai, berkomunikasi, mengurus, termasuk kemahiran mengurus teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Seseorang yang memiliki jiwa profesionalisme sentiasa mendorong dirinya untuk mewujudkan kerja-kerja yang profesional. Kualiti profesionalisme didokong oleh ciri-ciri sebagai berikut:

1. Keinginan untuk menunjukkan tingkah laku yang boleh mencapai piawai ideal.

Guru PTV yang memiliki profesionalisme tinggi akan selalu berusaha mewujudkan dirinya sesuai dengan piawai yang telah ditetapkan. Piawai ideal ini adalah sebagai rujukan kepada para guru bagi menilai perilaku mereka dan satu perangkat perilaku paling sempurna. Ia akan mengidentifikasi dirinya kepada seseorang yang dipandang memiliki piawaian tersebut.

2. Mengejar kualiti dan cita-cita dalam profesi

Profesionalisme yang tinggi akan merasa ingin meningkatkan kualiti profesi yang dipegangnya dengan rasa bangga. Dengan perasaan ini, seseorang guru itu akan sentiasa berusaha dan mempercayai diri sendiri untuk meletakkan profesi keguruan sebagai tempat yang teratas.

3. Memelihara dan meningkatkan imej profesi

Profesionalisme yang tinggi ditunjukkan oleh besarnya keinginan untuk selalu meningkatkan dan memelihara imej profesi melalui perwujudan perilaku profesional. Perwujudannya dilakukan melalui berbagai-bagai cara misalnya penampilan, cara percakapan, penggunaan bahasa, sikap tubuh badan, sikap hidup harian, hubungan dengan para pelajar, rakan sejawat mahupun masyarakat lainnya.

4. Keinginan untuk sentiasa mengejar kesempatan pengembangan profesional yang dapat meningkatkan dan meperbaiki kualiti pengetahuan dan keterampiannya.

### **4.0 INSAN SEDAR KENDIRI DALAM PROSEFIONALISME GURU PTV**

Allen (1974) menyatakan guru pendidikan teknik dan vokasional mestilah dilengkapi dengan pengalaman praktik dan latihan professional untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan untuk memenuhi matlamat pekerjaan. Pengajaran dalam pendidikan vokasional adalah berdasarkan pengalaman yang diarah atau diselia oleh guru. Sebagai contoh, dalam latihan di tempat kerja guru bukan sahaja menyediakan pelajar dengan

pengalaman bahkan menyediakan peluang kepada mereka untuk belajar dan terus bergerak dengan perkembangan semasa dalam dunia pekerjaan.

Dengan tugas guru PTV yang semakin mencabar ini, guru diberikan satu piawai standard iaitu Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan yang digubal berlandaskan budaya Institut Pendidikan Guru (IPG), Tatasusila Profesionalisme Keguruan, nilai murni dalam kurikulum sekolah, nilai utama dalam Perkhidmatan Awam, prinsip utama Etika Kerja KPM, dan Tonggak Dua Belas. Standard ini mempunyai tiga domain utama iaitu:

### 1 Domain Diri

Domain diri ini ialah pegangan nilai guru yang sedia ada dan ianya perlu dikembangkan supaya guru dapat memberikan sumbangan yang berkesan serta menaikkan lagi kualiti keguruan bagi mencapai matlamat sistem pendidikan negara.

Dengan ini nilai-nilai yang harus diterapkan oleh guru PTV dalam domain ini ialah kepercayaan kepada Tuhan, amanah, bertanggungjawab, yakin, berkepimpinan, ikhlas, berilmu, semangat sukarela, bertimbang rasa, kasih sayang, sabar, budi bahasa, adil, daya tahan, efisien, daya saing dan, tahan lasak, cergas, aktif dan sihat, serta kemahiran interpersonal dan intrapersonal.

### 2 Domain Profesional

Domain ini merujuk kepada pegangan nilai yang patut diamalkan secara telus oleh guru dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang guru yang profesional. Bagi Cotrell (1971), pendidikan perguruan berdasarkan prestasi adalah cara untuk mempertingkatkan mutu serta kualiti pendidikan perguruan PTV. Guru PTV mestilah terdiri daripada mereka yang mempunyai kecekapan professional dan mahir dalam pekerjaan yang diajar.

Nilai-nilai yang ditekankan dalam domain ini adalah kecintaan terhadap profesi, berketerampilan, integriti, teladan, mengamalkan kerja sepasukan, proaktif, kreatif dan inovatif.

### 3 Domain Sosial

Tugas guru dan kewajipan guru PTV kini tidak terhad di dalam bilik darjah sahaja. Di samping menjalankan tugas di sekolah, guru PTV juga haruslah bertanggungjawab dalam menjalankan hubungan baik dengan industri untuk mengetahui perkembangan terkini berkenaan bidang mereka supaya dapat diterapkan dalam proses pembelajaran. Di samping itu, imej guru akan dapat dipertingkatkan jika guru melibatkan diri secara aktif dalam kalangan masyarakat seperti menyertai aktiviti gerakan belia dan sukan, kebudayaan maupun kebajikan.

Guru berperanan sebagai penjana modal insan dan ejen sosialisasi dalam masyarakat. Nilai-nilai utama yang patut diamalkan oleh guru adalah berbudi pekerti, ramah mesra, keharmonian, kemahiran sosial, semangat bermasyarakat, patriotisme dan kecintaan terhadap alam sekitar. Guru mesti seorang yang berwawasan dan menyintai pekerjaannya. Mereka perlu bersikap positif dan yakin dalam apa yang dilakukan.

Guru hendaklah membimbing dan menunjuk ajar bukan saja anak didik, malah rakan sejawat. Allen (1912) memberikan beberapa fungsi guru PTV iaitu cekap dalam bidang yang diajar, mengetahui apa yang diajar, boleh menyelesaikan masalah dan dapat bekerja secara bijak dengan masyarakat serta berpandangan jauh. Sesetengah daripada fungsi ini juga dimainkan oleh guru lain. Selain daripada itu, guru PTV harus tahu bahawa tujuan pendidikan teknik dan vokasional ini adalah untuk menyediakan para pelajar memasuki alam pekerjaan.

Dengan kata lain guru PTV ini akan keluar daripada program pendidikan perguruan untuk mengajar pelajar yang akan menceburkan diri dalam alam pekerjaan.

Pendidikan teknik dan vokasional tidak pernah menyarankan guru sebagai suatu autoriti. Sebaliknya guru PTV bergantung kepada pengetahuan masyarakat sebagai asas untuk mengesahkan apa yang diajar. Dengan itu guru juga dalam proses mencari kebenaran iaitu berinteraksi dan belajar bersama-sama dengan pelajar. Guru juga memerlukan pembelajaran secara bersama untuk memimpin pelajar mengenal erti kebenaran dan bukan sebagai penyampai kebenaran yang mutakhir.

Walaupun guru PTV sudah melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran, mereka juga digalakkan untuk terus mencari kebenaran dan meningkatkan kualiti profesionalisme keguruan serta pengetahuan. Berbalik kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menyatakan suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu menunjukkan guru PTV juga seharusnya mencapai tahap sedar kendiri (self actualization) di dalam melengkapkan lagi kualiti diri mereka.

Untuk mencapai tahap insan sedar kendiri mempunyai beberapa ciri. Antara nya dalam peningkatan kualiti harga diri seorang guru itu perlulah memikirkan kriteria seperti layak diri, yakin diri, hormat diri, terima tanggungjawab, perusahaan maju diri, perasaan harmoni dan interpersonal baik. Selain peningkatan kualiti harga diri, antara lainnya ialah:

- Mempunyai misi jelas dan peribadi menarik
- Memikirkan pelan strategi
- Latihan mental yang kuat
- Berorientasikan kepada perlakuan
- Mempunyai hubungan sesama manusia yang unggul
- Mempunyai emosi yang tenang dan damai
- Berupaya menguruskan diri dengan berkesan
- Semangat dan tekun
- Disiplin diri yang teguh
- Bersifat fleksibel
- Berusaha meningkatkan diri secara berterusan

## **5.0 CIRI INTELEK YANG MENUNJUKKAN ILMU, SEDAR-DIRI DAN FAHAM-KENDIRI.**

Snedden (1910), pedagogi pendidikan teknik dan vokasional seharusnya berbeza daripada pedagogi pendidikan am terutamanya yang berkaitan dengan penyediaan pelajar untuk pekerjaan yang produktif. Oleh itu, persediaan guru PTV seharusnya berbeza daripada persediaan guru pendidikan am. Guru PTV perlu suka membaca dan mempunyai pemikiran mental yang segar, berkembang serta bersifat sedar diri (self-actualization) dengan minda yang sihat serta terbuka. Melihat alam dan kehidupan di dalam ruang lingkup yang luas dan menyeluruh, di samping melihat, menganalisis, mensintesis dan menilai satu di dalam yang banyak.

Selain itu, untuk bersifat sedar diri guru itu ialah guru yang humanistik di mana mereka bukan sekadar menyampai maklumat (Abdul Rahman Aroff, 1986). Mereka mengetahui perkembangan pesat teknologi untuk diajar kepada pelajar atau cuba belajar bagaimana untuk menyelesaikan masalah di samping mengetahui cara penyelesaiannya untuk disampaikan kepada pelajar. Mereka ini adalah pembimbing, ahli falsafah dan rakan.

Sungguhpun masyarakat menyedari pentingnya tanggungjawab guru, tugas mendidik sepenuhnya dalam konteks pendidikan sepanjang hayat amat tidak wajar diserahkan sepenuhnya kepada guru. Selain komitmen yang dituntut daripada guru, ibu bapa, ahli masyarakat dan pihak kepemimpinan pada semua peringkat sewajarnya berganding bahu bagi menghasilkan peribadi insan cemerlang. Ia bukan sekadar untuk kejayaan di dunia, malah akhirat.

Tugas guru mulia dan disanjung tinggi kedudukannya dalam Islam. Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

“Sesiapa yang mengajarkan sesuatu ilmu, maka dia mendapat pahala orang yang mengamalkan ilmu itu, pahalanya tidak kurang sedikit pun daripada pahala orang itu.” (Hadis riwayat Ibn Majah)

## **6.0 KURSUS PENINGKATAN PROFESIONALISME GURU PTV DALAM MEMBENTUK INSAN SEDAR KENDIRI**

Perubahan dan perkembangan dalam sistem pendidikan menjadikan tugas guru semakin mencabar dan berbeza. Penguasaan ICT serta berakhhlak mulia dan berani akan meningkatkan lagi tahap profesionalisme seorang guru. Jadi, kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pendidikan Negeri haruslah dihadiri oleh guru.

Contohnya ialah Kursus Dalam Perkhidmatan dan Kursus Peningkatan Profesionalisme Keguruan. Kursus seperti ini sudah tentunya akan membantu guru meningkatkan prestasi dalam tugas yang semakin canggih dan mencabar. Secara tidak langsung juga, peningkatan kemahiran itu akan bertambah lagi apabila guru berkenaan berkongsi pengalaman dengan rakan-rakan yang tidak berkesempatan dan berpeluang.

Program penyediaan guru-guru PTV dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu;

- (i) Kursus Jangka Pendek KDP (14 minggu)
- (ii) Kursus Jangka Panjang KPLI Praperkhidmatan (1 tahun)

Pelaksanaan PTV memperlihatkan penambahan bebanan tugas guru pendidikan teknik dan vokasional kerana pengajaran mata pelajaran ini diletakkan ke atas bahu mereka. Dalam keadaan tertentu mereka sangat-sangat mengharapkan kursus peningkatan kemahiran berkaitan kerana PTV seharusnya diajar oleh guru yang benar-benar terlatih dan terbukti menguasai sesuatu bidang kemahiran.

Antara kursus- kursus lain yang boleh dihadiri oleh guru- guru PTV bagi meningkatkan profesionalisme dan membentuk insan sedar kendiri ialah kursus dalam perkhidmatan yang dianjurkan (profesionalisme) selama empat belas minggu. Selain daripada itu kursus kaedah pembelajaran aktif, kursus peningkatan profesionalisme bagi pendidikan khas,kursus strategi pembelajaran berdasarkan projek, kursus intergriti, kursus ICT dan sebagainya.

Kursus- kursus seperti ini adalah usaha yang dirancang untuk menyediakan para guru yang berkualiti dari segi diri, profesion mahupun sosialisme terutamanya para guru PTV yang sememangnya perlu bergerak aktif dalam mencari kesempurnaan diri bagi menyediakan pelbagai pengetahuan untuk mendidik para pelajar ke alam pekerjaan kelak.

## 7.0 PERBINCANGAN

Pemahaman guru PTV terhadap profesionalisme keguruan ada kalanya diabaikan dan ada juga yang tidak mengetahui peranan sebenar mereka sebagai guru PTV. Ini disokong oleh Kagan & Tippins (1991) menyatakan hal ini menyebabkan lahirnya guru-guru yang tidak berkualiti dan sekaligus mencemarkan sistem pendidikan. Tambahan pula adakah mereka memahami pula makna sebenar sedar kendiri (*self actualization*) yang seharusnya dicapai dalam melengkapkan lagi kualiti diri mereka. Perilaku negatif guru juga kerap terpapar di dalam akhbar. Profesional guru dikatakan amat ‘tenat’ dan guru sedang menghadapi tekanan tugas yang amat berat. Selain itu sering didedahkan dengan laporan tentang segelintir guru merokok, guru tidak cergas, guru tidur dalam kelas, guru selalu datang lewat ke sekolah dan guru mengajar sekadar melepas batuk di tangga. Dan lebih mengecewakan peranan dan keupayaan guru mengajar diragui (Salleh, 2005). Ini disebabkan guru itu sendiri tidak menanamkan semangat cintakan bidang perguruan itu sendiri sehingga tidak berusaha untuk mencapai tahap sedar kendiri.

Dalam konteks Malaysia, Falsafah Pendidikan Kebangsaan mengariskan aspek penting membimbing pembelajaran pelajar ke arah memaksimakan potensi diri masing-masing. Sebelum membimbing pelajar ke arah memaksimakan potensi diri mereka, guru seharusnya terlebih dahulu mengembangkan potensi diri mereka dengan mencapai tahap sedar kendiri. Dalam aspek PTV guru seharusnya memantapkan diri dengan kemahiran yang berkaitan dengan bidang mahupun diluar bidang mereka. Ini akan melahirkan guru yang serba boleh dan dipandang tinggi oleh para pelajar sekali gus dapat menukar persepsi masyarakat.

Akhirnya, sikap guru terhadap profesion keguruan menentukan kejayaan atau kegagalan penyebaran kurikulum. Sikap guru PTV itu sendiri adalah penting dalam usaha untuk mencapai hakikat sebenar diri. Pegangan sikap akan menentukan jumlah usaha, ketekunan dan keputusan guru sama ada ianya baik atau tidak. Kepercayaan diri guru merupakan satu set tingkah laku yang merancang dan memandu jenis-jenis tingkah laku guru, sebab tingkah laku mengesahkan kepercayaan diri. Maka, pegangan kepercayaan dan nilai guru mempengaruhi pengajaran guru berdasarkan pemikiran yang difikirkan memberi manfaat kepada pelajar. Orientasi nilai kepercayaan ini mempengaruhi pengajaran untuk pelajar di dalam kelas mahu pun bengkel guru berkenaan.

## 8.0 KESIMPULAN

Guru PTV mestilah dilengkapi dengan pengalaman praktik dan latihan professional untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran, pengetahuan, sikap dan penghargaan yang diperlukan untuk memenuhi matlamat pekerjaan. Guru PTV juga mestilah kemas kini dalam bidang pekerjaan yang diajar. Pengalaman ini dapat diperolehi melalui latihan dalam perkhidmatan atau dengan mengikuti program-program khas yang bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran guru dalam pekerjaan yang diajar sekaligus membentuk insan sedar kendiri.

Pendek kata, guru PTV perlu mendekatkan diri dengan alam dan masyarakat untuk mencari kebenaran dan dikatakan sebagai guru humanistik. Ini bermakna pendidikan seumur hidup juga meliputi guru PTV. Selain itu, mereka juga boleh membawa perubahan dalam bilik darjah dengan mencuba pelbagai strategi dan boleh menjadi agen perubahan dengan menjadi *role model* untuk menggalakkan perubahan berlaku. Usaha dalam menerapkan sifat sedar diri dalam sistem pendidikan teknik dan vokasional dapat menyediakan modal insan yang berketrampilan dilihat sebagai satu langkah yang bijak. Dengan mempastikan ‘content

dan contex' yang relevan, diperlukan, dirancang dan dilakasankan dengan teliti akan membolehkan matlamat penyediaan modal insan berketrampilan dapat dicapai.

Kegagalan masyarakat untuk berfungsi dengan sempurna kerap dikaitkan dengan kegagalan sistem pendidikan negara. Antara cara terbaik membentuk akhlak mulia ialah dengan teladan baik. Guru mesti berwawasan dan menyintai pekerjaannya. Guru perlu memiliki kepakaran memotivasi dalam penyampaian pengajaran.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Aroff (1986). *Falsafah Dan Konsep Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti
- Allen, D. (1974). *Philosophy for Quality Vocational Programs*. American Vocational Association: Washington
- Blank, William E (1982). *Handbook for developing competency based training program, Englewood Cliffs*. New Jersey: Prantice Hall
- Boam, Rosemary (1992). *Designing and achieving competency : A competency based approach to developing people and organization*. London: McGraw- Hill
- Bruke, John, W. (1989). Competency based education and training. New York: Falmer Pr
- Contrell, C. J. (1971). *Education Media In Vocational And Technical Education*. The center of research and development in vocational and technical education: Columbus
- Fletcher, Shirley (1991). *Designing competency training*. London: Kogan Page
- Hall, G. E. (1976). *Competency based education: A process for the improvement of education*. Englewood Cliffs. New Jersey: Prantice Hall
- Kagan, DM & Tippins, DJ. (1991). *How teachers' classroom express their pedagogical beliefs*. Journal of Teacher Education. 42 (4), 281-291.
- King, S. B. (2001). *The complete guide to training delivery*. New York: Amacon
- Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (1995), Latihan berasaskan ketrampilan. Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Manusia
- McDaniels, (1992). Summary of Visits to 670 Roanoke, Virginia Area Buisness Industry-government employers: Summer 1992. Roanoke Virginia Area Tech Prep Consortium
- Mok Soon Sang (2010). *Falsafah Dan Pendidikan Di Malaysia*. Selangor: Penerbitan Multimedia
- Rogers, C. R., (1980). *A Way of Being*. Boston: Houghton Mifflin
- Salleh (2005). *Pemikiran Profesional Keguruan Terhadap Kurikulum Dan Pengajaran*. Universiti Malaysia Sabah
- Snedden, D. S. (1910). *The problem of vocational education*. Boston: Houghton Mifflin
- Yahya Emat (1993). *Pendidikan Teknik Dan Vokasional Di Malaysia*. Selangor: IBS Buku